



**KEMENTERIAN
KERJA RAYA MALAYSIA**

SEGERA

KENYATAAN AKHBAR YB MENTERI KERJA RAYA

1. Saya ingin menjelaskan bahawa berdasarkan Perjanjian Konsesi sedia ada, terdapat beberapa lebuhraya di mana kadar tol akan dinaikkan pada tahun 2014. Namun, Kerajaan masih belum mengeluarkan arahan kepada mana-mana syarikat konsesi lebuhraya yang terlibat. Sebaliknya, Kerajaan masih lagi mempertimbangkan langkah-langkah terbaik untuk mengurangkan kesan kenaikan kadar tol kepada rakyat dengan mengambil kira pandangan pelbagai pihak, termasuklah mengadakan makmal yang dikendalikan oleh Pemandu untuk mengkaji implikasi kenaikan kadar tol pada tahun 2014.

2. Saya juga ingin menjelaskan bahawa sejak tahun 2008, Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah dalam mengurangkan beban kewangan pengguna lebuhraya, antaranya:

- i. penangguhan kenaikan kadar tol sejak tahun 2008 sehingga 2013 untuk 15 lebuhraya;
- ii. penutupan awal plaza tol dan pemansuhan kutipan tol yang melibatkan 7 plaza tol;
- iii. pengurangan kadar tol yang melibatkan 3 lebuhraya; dan
- iv. penstrukturan semula kadar tol yang melibatkan lebuhraya lebuhraya di bawah kendalian syarikat PLUS dan Kumpulan MTD.

3. Dalam mempertimbangkan langkah-langkah untuk mengurangkan kesan kepada rakyat, Kerajaan juga perlu menghormati Perjanjian Konsesi yang ditandatangani agar terus mendapat keyakinan pelabur dan supaya tidak menjejaskan usaha meletakkan ekonomi negara di landasan yang lebih kukuh dan berdaya saing.

**YB DATUK FADILLAH YUSOF
MENTERI KERJA RAYA**

Dikeluarkan oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA
31 DISEMBER 2013
5.20 PM**